

# Kabinet tarik buku hubungan etnik

**P**UTRAJAYA: Kabinet menarik balik penggunaan buku panduan *Konsep-konsep Hubungan Etnik* yang digunakan bagi pembelajaran kursus Hubungan Etnik di semua institusi Pengajian tinggi awam (IPTA), berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata buku itu akan digantikan dengan naskhah lain yang menjadi buku teks atau modul kursus berkenaan selepas ia dinilai panel khas dianggotai ahli sejarah.

"Penggunaan buku yang mencetuskan kontroversi ini dibincangkan da-

lam mesyuarat Kabinet hari ini (semalam) dan selepas meneliti serta mengambil kira pandangan semua menteri Kabinet, kerajaan memutuskan untuk menarik balik penggunaannya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu buku panduan kursus Hubungan Etnik di IPTA yang dibangkitkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz yang menganggap buku itu menghasut dan menjejaskan hubungan kaum.

Penggunaan buku itu turut dibantah berikutan dakwaan DAP terbabit

dalam perarakan 13 Mei 1969, peranan belia India dalam peristiwa pergaduhan di Kampung Medan dan tuntutan yang dianggap ekstrim mengenai hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera Sabah serta Sarawak.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat memandangkan buku itu akan dijadikan bahan rujukan pelajar di IPT dan kerajaan mahu memastikan ia dihasilkan dengan mengambil kira sensitiviti pelbagai kaum.

Abdullah berkata, walaupun sejarah adalah fakta yang tidak boleh diubah tetapi implikasi sejarah ber-

kenaan perlu dikaji sebelum ia ditulis kerana dikhuatiri akan memberi implikasi buruk kepada negara ini,

Beliau berkata, tindakan itu perlu supaya generasi muda tidak terkeliru dan membuat andaian yang tidak tepat mengenai perkara itu terutama mengenai Peristiwa 13 Mei 1969 dan pergaduhan di Kampung Medan pada 2001.

"Walaupun kita sudah merdeka hampir 50 tahun, isu kaum masih lagi dianggap sensitif. Jadi kita masih pada peringkat membendung, supaya aspirasi satu padu dapat dihasilkan," katanya.